

BAHAGIAN A

Soalan A1 (10 markah)

Arahan: Dalam petikan karangan di bawah ini terdapat lima patah perkataan yang telah digarisi. Bubuh imbuhan yang paling sesuai pada setiap perkataan yang telah digarisi. Tulis jawapan kamu di Kertas Jawapan yang disediakan.

Sering kali masyarakat bertanya apa yang dimaksudkan dengan gaya pemakanan yang sihat. Kita selalu berhadapan dengan masyarakat yang tidak mengerti cara untuk **(1) terap** gaya pemakanan yang sihat dalam kehidupan seharian mereka. Gaya pemakanan yang sihat amat **(2) perlu** seseorang bagi memastikan kesihatannya terjamin. Apabila seseorang mempraktikkan gaya pemakanan yang sihat, dia mampu **(3) cegah** penyakit-penyakit kronik seperti barah, darah tinggi dan banyak lagi. Selain itu, kita perlu mengatur waktu makan **(4) hari** kita. Ini bertujuan untuk **(5) hindar** tabiat memakan pada masa-masa yang tidak tetap sehingga menyebabkan kegemukan. Diharapkan dengan cara ini, masyarakat lebih peka untuk menjaga cara pemakanan mereka.

Soalan A2 (5 markah)

Arahan: Pilih peribahasa yang sesuai daripada senarai yang diberikan di bawah ini bagi tiap-tiap keterangan yang bergaris bawah dalam teks yang berikut. Kemudian, tulis huruf jawapan pilihan kamu di Kertas Jawapan yang disediakan.

- (A) ringan tulang berat perut
- (B) seperti anak ayam kehilangan ibu
- (C) sekali air bah, sekali pasir berubah
- (D) jauhari juga yang mengenali manikam
- (E) genggam bara api biar sampai jadi arang
- (F) seperti harimau menyembunyikan kukunya
- (G) hidup kayu berbuah, hidup manusia berjasa
- (H) hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah
- (I) berapa berat mata memandang, berat lagi bahu memikul
- (J) jika tidak dipecah ruyung, di mana boleh mendapat sagunya

Zailan selalu bermain muzik bersama ayahnya di pusat pertukaran bas Tampines untuk mencari nafkah yang lebih. Baru-baru ini, ayahnya telah meninggal dunia akibat penyakit barah otak dan hal tersebut **(6)** mengakibatkan Zailan dan adik-adik tidak tentu arah akibat kehilangan tempat bergantung. Namun, Zailan tidak pernah putus harapan untuk teruskan kehidupannya. Nasihat ayahnya menjadi prinsip hidupnya iaitu, **(7)** seseorang yang hidup di dunia ini hendaklah membuat kebaikan untuk diri sendiri dan berjasa kepada orang lain. Justeru, Zailan tetap meneruskan kerjanya sebagai ahli muzik jalanan untuk menampung persekolahan adik-adiknya. Dia percaya bahawa berkat usahanya, dia tidak akan dikecewakan adik-adiknya. Adik-adiknya amat menghargai pengorbanan yang dilakukan Zailan dan bagi mereka. Mereka sentiasa perpegang kepada prinsip **(8)** bersyukur akan rezeki yang ada, baik sedikit mahupun banyak. Pada waktu malam, Zailan sibuk ke kelas malam untuk menggenggam segulung ijazah dalam bidang muzik kerana **(9)** Zailan akur bahawa ilmu itu amat bernilai bagi memastikan kehidupan yang selesa. Pegangan hidup Zailan iaitu tidak mudah menyerah kalah dan **(10)** sifat sabar dalam melaksanakan suatu pekerjaan hingga berjaya merupakan kunci kejayaan yang dicapai Zailan. Meskipun Zailan dan adik-adiknya tidak mempunyai ibu bapa lagi, mereka masih meneruskan kehidupan mereka yang diselubungi onak dan duri.

(lihat halaman sebelah)

Soalan A3 (5 markah)

Arahan: Pilih sepatah perkataan yang paling sesuai daripada senarai yang diberikan bagi mengisi tempat kosong dalam teks yang berikut. Kemudian, tulis jawapan kamu di Kertas Jawapan yang disediakan.

adalah	asli	dari
daripada	ialah	membuang
membakar	mengandung	

Teh hijau merupakan minuman herba yang banyak sekali manfaatnya untuk tubuh. Satu daripadanya **(11)** _____ membantu menurunkan berat badan. Teh hijau **(12)** _____ *polifenol* yang bukan hanya melindungi tubuh **(13)** _____ radikal bebas, tetapi juga dapat mempengaruhi penyerapan lemak dalam tubuh. Teh hijau juga membantu **(14)** _____ kalori. Jenis teh hijau yang paling baik merupakan teh hijau yang masih ada rasa **(15)** _____ tanpa gula dan perasa tambahan. Teh hijau yang diolah biasanya akan berkurangan atau hilang kandungan antioksidannya.

(Dipetik dan diubah suai daripada "Manfaat Teh Hjai Untuk Diet dan Cara Meminumnya" <http://www.caramenurunkanberatbadan9.com>, 2015)

BAHAGIAN B (10 markah)

Arahan: Baca petikan-petikan yang berikut dengan teliti.

Petikan 1

Menjelajah Afrika Selatan



Jika kita mendengar nama Afrika, di benak kita tentulah akan terbayang sebuah tempat yang gersang, penuh padang pasir, perang saudara, sarang penyakit juga orang-orang miskin yang kelaparan.

Segala pandangan itu akan berubah saat kita berkunjung ke Afrika Selatan, terutama di kawasan 'Cape Town', di hujung selatan Benua Hitam tersebut. Di situ, bayangan di atas sirna dan diganti dengan kekaguman. Afrika ternyata menyimpan keindahan yang tidak kalah dengan tempat-tempat wisata terkemuka yang terkenal di Eropah, Amerika, mahupun Australia. Salah satu pesona wisata paling menarik di kawasan Cape Town ialah pantainya.

Keindahan 'Table Mountain'

Di kota yang dibangun di kaki 'Table Mountain' yang memang berbentuk seperti meja itu terdapat kawasan pantai iaitu Waterfront Victoria & Alfred (Waterfront V&A). Kawasan ini sebenarnya sebahagian daripada Pelabuhan Table Bay, pelabuhan utama di Cape Town, yang kemudian menjadi kawasan pelancong. Ia terdiri daripada beberapa pusat beli-belah, panggung muzik terbuka dan restoran yang mempunyai pemandangan laut dan 'Table Mountain'.

Yang menarik tentang Waterfront V&A ialah bangunan dari zaman kolonial yang masih dipertahankan. Selain itu, kehidupan anjing laut liar di perairan pelabuhan tersebut tidak diusik dan dibiarkan hidup berdampingan dengan kesibukan pelabuhan. Jadi, sambil menikmati udang galah bakar di salah satu restoran bersuasana kolonial, kita dapat menikmati tingkah laku anjing laut yang sedang berenang atau santai berjemur tidak jauh dari tempat kita duduk.

Meneroka 'Cape Town'

Cape Town terletak di bahagian barat Benua Afrika iaitu di tepi Samudera Atlantik. Permukaan Atlantik yang berwarna biru tua dipadu pasir pantai yang berwarna putih menjadi daya tarikan utama para pelancong.

Itulah sebabnya hampir sepanjang garis pantai di kawasan Cape Town merupakan kawasan wisata yang banyak dikunjungi pelancong dari Eropah saat musim panas.

Pemandangan di 'Camps Bay' akan mengingatkan kita pada foto-foto penginapan wisata di kawasan Laut Tengah, seperti 'Monte Carlo' di 'Monako'. Perjalanan ke arah selatan akan membawa anda ke tempat-tempat pemandangan lebih indah lagi seperti di kota 'Hout Bay' iaitu dasar lembah dan menghadap sebuah teluk berair biru diapit dua bukit batu.

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman 4, jawab soalan-soalan yang di bawah ini dengan memilih jawapan yang paling sesuai. Kemudian, tulis huruf jawapan pilihan kamu di Kertas Jawapan yang disediakan.

- 16** Seseorang itu akan terbayang beberapa perkara apabila mendengar tentang Afrika Selatan kecuali tempat yang_____.
- (A) dianggap sebagai sarang penyakit
 - (B) gersang dan penuh dengan padang pasir
 - (C) dibelenggu dengan peperangan persaudaraan
 - (D) menyimpan keindahan dan tidak kalah dari tempat-tempat terkemuka di Eropah, Amerika dan Australia.
- 17** Pelancong yang menjamu selera di restoran Waterfront V&A _____.
- (A) boleh melihat panggung muzik terbuka
 - (B) tidak diusik dengan kesibukan pelabuhan
 - (C) berupaya mendekati anjing laut yang berenang
 - (D) dapat menikmati pemandangan laut dan 'Table Mountain'
- 18** Pantai di kawasan 'Cape Town' _____.
- (A) menghadap sebuah teluk berair biru diapit dua bukit batu
 - (B) merupakan tempat yang sering dikunjungi pelancong Eropah
 - (C) membawa pelancong ke tempat-tempat lebih indah seperti di kota 'Hout Bay'
 - (D) mengingatkan pelancong pada foto-foto penginapan wisata di kawasan Laut Tengah

Festival Makanan Singapura

Festival yang Menjanjikan Makanan Tempatan dan Tradisional

Festival Makanan 1 Malaysia 2016 anjuran Dewan Perdagangan dan Perindustrian Cina, bermula 7 hingga 30 November di Esplanade.

Seramai 600 penjaja dan peniaga kecil seluruh negeri akan berkumpul bersama-sama menyambut Hari Penjaja. Selain itu, ahli persatuan penjaja dan peniaga kecil turut mengadakan mesyuarat mereka pada 18 November di bilik persidangan Esplanade.

Pihak penganjur, menggesa pengusaha gerai makanan dan minuman supaya mempromosi makanan tradisional dan tempatan. Selain itu, gerai jualan perniagaan, pesta hiburan, persembahan artis tempatan dan artis undangan dari Cina turut memeriahkan festival ini. Pihak penganjur juga menganjur pertandingan nyanyian, pertandingan masakan dan tarian 1Malaysia pada festival kali ini. Festival dibuka dari jam 5 petang hingga 11 malam.

Maklumat Pendaftaran bagi Peniaga:

Jawatankuasa penganjur mempelawa pengusaha gerai makanan dan minuman supaya mengambil bahagian dalam festival ini.

Mereka berminat boleh menghubungi jawatankuasa penganjur melalui talian 084-317831 atau 084-326959.

Penjaja makanan juga perlu mendaftarkan penyertaan dengan melengkapkan borang yang boleh didapati di pejabat Dataran Badar SibU.

Penjaja juga boleh melengkapkan borang melalui laman web www.festivalSg.com.sg

Pendaftaran dibuka sehingga 31 Mei 2016.

Syarat-syarat Penyertaan:

- a) Penjaja gerai perlu memiliki sijil pendaftaran perniagaan.
- b) Sijil kursus 'Menjaga Kebersihan Makanan' perlu disediakan pada hari festival tersebut.
- c) Pekerja asing yang bertugas di gerai perlu memiliki permit kerja yang sah dan peka berbahasa Inggeris.
- d) Menu makanan yang dipromosikan perlu dihantar kepada pihak penganjur sebelum 27 April 2016.

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman 6, jawab soalan-soalan di bawah ini dengan memilih jawapan yang paling sesuai. Kemudian, tulis huruf jawapan pilihan kamu di Kertas Jawapan yang disediakan.

19 Festival Makanan 1 Malaysia ini mewajibkan pengusaha gerai makanan dan minuman mempunyai _____.

- (A) sijil pendaftaran perniagaan
- (B) penghantaran menu yang dipromosikan kepada pihak penganjur sebelum 27 April 2016
- (C) pekerja asing yang mempunyai permit kerja yang sah dan peka berbahasa Inggeris
- (D) semua yang di atas

20 Tujuan utama festival makanan tersebut dianjurkan adalah untuk _____.

- (A) mempromosikan makanan tradisional dan tempatan
- (B) penjaja makanan dan peniaga kecil berkumpul bersama-sama
- (C) menonjolkan bakat artis tempatan dan artis undangan dari Cina
- (D) menghiburkan pelawat melalui pertandingan tarian, masakan dan nyanyian

BAHAGIAN C (30 markah)

Arahan: Baca petikan karangan yang berikut dengan teliti.

Natasha bergerak pantas mengejar masa yang tesa. Terlewat sedikit hari ini gara-gara melayan 'Facebook' hingga tidak sedar sudah dinihari. Hari ini Natasha pakai baju kurung warna merah hati. Warna kegemarannya. Natasha ini sudah terlalu obses dengan warna merah sampaikan kebanyakan baju yang dia ada berwarna merah. Pernah dia ditegur oleh abangnya. Katanya almari Natasha sudah berdarah kerana warna baju-bajunya yang semuanya merah menyala. Tambahan pula tiada satu baju pun yang berlainan warna. 5

Pedulilah apa yang abang ingin katakan. Yang penting, inilah tabiat Natasha dan warna kesukaannya.

"Awal engkau sampai hari ini Tuan Puteri Adrina Natasha?" sampai sahaja Natasha di pejabat, dia sudah disindir oleh Nur Syaziera Damia. Syazeira merupakan kawannya yang terbaik dalam keadaan susah mahupun senang. 10

"Perli nampak! Aku tahulah aku sudah lewat setengah jam. Tapi bukan aku sengaja. Aku tidak perasan masa berlalu dengan pantas semasa menggunakan 'Facebook' tadi," Natasha tersengeh.

"Apa-apa pun itu bukan masalah aku. Itu masalah engkau. Encik Rafi sudah lama cari engkau. Engkau pandai-pandailah cari alasan beritahu kepada bos nanti," bisik Syazeira. 15

"Habishlah aku kali ini. Sudah dua kali aku lambat masuk kerja. Kelmarin aku pernah terlambat dan Encik Rafi tenung ke arah aku seperti harimau kelaparan. Lebih-lebih lagi, waktu itu, aku terpakai selipar Jepun aku ke pejabat walaupun Encik Rafi sudah beritahu aku agar jangan memakai selipar ke pejabat. Apa agaknya yang aku boleh katakan kepada dia nanti," Natasha jawab sambil menjenguk bilik Encik Rafi. 20

"Engkau jangan bimbanglah. Walaupun engkau datang lambat, Encik Rafi tidak akan marah. Engkau pekerja kesayangannya. Lebih-lebih lagi dengan wajah engkau yang manis dan putih **mulus**. Aku rasa sejuk hati Encik Rafi melihat engkau," ketawa Syazeira sambil menenangkan Natasha. 25

"Pandai pula engkau mahu pujuk hati aku ini. Macam tahu sahaja yang aku ini cepat gelabah," Natasha menggigit kukunya. Sempat juga dia mencubit lengan kanan Syazeira. Begitulah reaksi Natasha setiap kali dia dalam keadaan yang tidak tenang. Ada sahaja barang yang akan dia capai dan kali ini kukunya dan lengan Syazeira menjadi mangsanya. Natasha bersiap sedia untuk berhadapan dengan Encik Rafi. Dalam mindanya terpancar wajah Encik Rafi yang bengis seperti harimau. Tambahan pula, dia akan ditengking dengan suara Encik Rafi yang lantang. 30

Setibanya Natasha di bilik Encik Rafi, Natasha disambut oleh senyuman Encik Rafi. Natasha terperanjat kerana sangkaannya tidak benar. Malah, Encik Rafi mempersilakan Natasha duduk dengan suaranya yang lembut dan perlahan. Natasha hanya mampu **menghela** nafas lega. 35

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman 9, jawab soalan-soalan yang diberikan. Seberapa boleh, gunakan ayat-ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu di Kertas Jawapan yang disediakan.

21. Mengapakah Natasha lambat ke kerja pada hari itu? (3 markah)

22. Mengapakah abang Natasha menyatakan bahawa almari Natasha berdarah? (3 markah)

23. Terangkan dua bukti yang menunjukkan bahawa Natasha tidak menjaga tatasusila pekerjaanya. (5 markah)

24. Terangkan alasan-alasan yang dinyatakan Syazeira bahawa Natasha tidak akan dimarahi Encik Rafi. (5 markah)

25. Natasha mudah menunjukkan perasaannya yang panik. Berikan bukti-bukti daripada teks untuk menyokong pernyataan ini. (5 markah)

26. Tanggapan Natasha terhadap Encik Radi tidak benar. Berikan bukti-bukti daripada teks untuk menyokong pernyataan tersebut. (5 markah)

Arahan: Terangkan maksud perkataan yang berikut berdasarkan penggunaannya dalam petikan.

27. mulus (baris 24) (2 markah)
28. menghela (baris 36) (2 markah)

Selesai